

# TAHAP PATRIOTISME BELIA DI MALAYSIA

**Hamidi Ismail, Shamsul Anuar Nasarah, Wasitah Hj. Mohd Yusof,  
Tuan Pah Rokiah Syed Hussain & Zaheruddin Othman**

---

*Alaf globalisasi menyaksikan pelbagai implikasi negatif terhadap masyarakat berlaku saban hari baik melalui media massa, budaya kebaratan, isu kebebasan bersuara, hak asasi manusia dan sebagainya. Masyarakat terdedah dengan pelbagai perkara buruk dari luar, baik secara psikologi mahupun tindak-tanduk seharian mereka dalam hidup. Kesannya, wujud pelbagai isu yang kurang baik kepada pembinaan sebuah negara yang teguh lagi berdaulat, terutama kepada semangat patriotisme belia atau masyarakat secara amnya. Hal ini menggambarkan bahawa nilai patriotisme dalam kalangan masyarakat di Malaysia semakin longgar atau tergugat disebabkan pelbagai isu yang muncul dalam kalangan kelompok tertentu seperti berkaitan kesetiaan kepada raja dan negara, perlembagaan, politik, agama dan bangsa. Affifuddin Omar (2002) berpandangan bahawa semangat yang longgar tentang patriotisme ditandai dengan kurangnya penglibatan pelajar dalam pasukan beruniform, sambutan bulan kemerdekaan yang agak hambar, penglibatan dalam membanteras jenayah dan isu yang menyentuh kedaulatan negara. Golongan belia hilang suara dan tidak berbisa dalam perjuangan bersifat patriotisme demi mempertahankan kedaulatan negara. Bahkan, penulisan daripada laporan akhbar tempatan iaitu Utusan Online (2010) berpendapat sikap belia yang sanggup membakar Jalur Gemilang, tidak menghormati lagu Negaraku dan menonjolkan Malayan People's Anti Japanese Army (MPAJ) sebagai ikon patriotisme mereka adalah sesuatu yang tidak patriotik seolah-olah menolak kepimpinan demokrasi pada hari ini.*

Oleh itu, skenario yang berlaku menampakkan semangat patriotisme dalam kalangan belia masih longgar atau rendah dan memerlukan kajian terperinci bagi menentukan tahap patriotisme sebenar golongan ini. Hal ini selaras dengan pendapat Azimi Hamzah dan Turiman Suandi (1997) yang menyatakan tahap patriotisme memerlukan kajian secara empirikal kerana tiada bukti saintifik dan bersifat statistik. Walaupun terdapat skenario yang menunjukkan tahap patriotisme seolah-olah masih rendah, namun begitu amat sukar untuk meletakkan tahap yang sebenarnya secara saintifik atau ilmiah. Bab ini menghujahkan bahawa semangat patriotisme golongan belia memerlukan penelitian dari tujuh aspek berdasarkan penelitian terhadap kajian terdahulu. Tujuh aspek yang dimaksudkan adalah kefahaman terhadap sistem pentabiran negara, kebanggaan menjadi rakyat Malaysia, perasaan sayang kepada Malaysia, perasaan kekitaan atau memiliki terhadap negara, kesetiaan kepada negara, berdisiplin atau adab baik demi nama baik negara serta peningkatan produktiviti demi negara. Justeru, satu persoalan atau objektif asas penulisan ini adalah tentang tahap patriotisme belia di Malaysia pada masa kini.

Menurut Asnarulkhadi Abu Samah (2009), Haslinda Abdullah et al., (2012) serta Jalaluddin Abdul Malek (2009), kajian terhadap belia adalah penting kerana golongan ini merupakan kumpulan masyarakat yang berinspirasi tinggi, mewakili populasi kependudukan yang agak ramai serta mereka adalah bakal pemimpin negara pada masa hadapan. Oleh kerana itu, Azimi Hamzah et al., (2002) dan Dzuhailmi Dahalan et al., (2011) berpendapat kajian perlu dijalankan sepanjang masa berkaitan dengan belia dan pembangunannya. Hal ini penting agar keperluan belia pada masa kini dan akan datang dapat dipenuhi sebaiknya. Bagi Azimi Hamzah dan Turiman Suandi (1996), generasi belia yang mantap serta patriotik adalah harapan negara. Justeru, Saifuddin Abdullah (2005) berpendapat tahap patriotisme


belia yang baik merupakan suatu daripada harapan negara yang wajar diketengahkan sebagai satu daripada agenda penting negara, pertubuhan belia mahupun masyarakat berbilang kaum.

## KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN

Patriotisme berasal daripada perkataan Greek iaitu patriotes (fellow countrymen) (Billig, 1995; Griffin, 2005) atau individu mahupun kumpulan yang berada di hadapan dalam usaha membela tanah air. Patriot dikatakan seorang yang cintakan negara dan akan membuat apa sahaja untuk mempertahankannya. Menurut Gomberg (2002) dan MacIntyre (1995), patriot bermaksud orang yang mempertahankan (memperjuangkan) kebebasan, hak tanah air atau pembela negara. Oleh itu, patriotisme membawa erti fahaman atau pegangan serta kepercayaan yang menggabungkan individu dan kelompok untuk mempertahankan tanah airnya. Malah, ia sering kali dikaitkan dengan kesetiaan dan kecintaan seseorang terhadap negara. Seseorang dianggap patriot apabila tindakannya berteraskan kecintaan dan kesetiaan kepada negara (Nordin Kardi, 2003). Menurut Curti (1946), Doob (1964) dan Kenner (2004), patriotisme adalah perasaan cintakan tanah air dan disusuli dengan sentimen perasaan yang kompleks. Walau bagaimanapun, Primoratz (2002) membahagikan patriotisme kepada dua aspek iaitu *value-based patriotism* dan *egocentric patriotism*.

Aspek *value-based patriotism* merupakan kesetiaan dan kecintaan seseorang kepada negaranya adalah disebabkan oleh faktor tertentu yang boleh memberi keuntungan dan kepentingan kepada rakyat seperti pencapaian negara dalam aspek ekonomi dan juga keistimewaan lain yang terdapat dalam negara tersebut. Namun demikian, *egocentric patriotism* pula merujuk kepada kecintaan dan kesetiaan seseorang itu terhadap negaranya semata-mata kerana "itu adalah negaranya" tetapi bukan disebabkan oleh keupayaan negara itu memberikan pencapaian dan keistimewaan tertentu kepada dirinya. Justeru, Ku Hasnita Ku Samsu (2007) berpendapat cinta yang sejati kepada negara adalah merujuk kepada *egocentric patriotism*. Individu yang tergolong dalam patriotisme jenis ini akan melakukan apa sahaja untuk negaranya tanpa mengharap dan menagih sebarang ganjaran atau imbuhan kerana berpegang kepada prinsip 'itu adalah negara mereka'. Namun, bagi individu yang tergolong dalam *value-based patriotism* pula memperlihatkan diri mereka seolah-olah tidak ikhlas dalam meletakkan kecintaan dan kesetiaan kepada negara kerana apa yang mereka lakukan adalah berpaksikan kepada kepentingan yang bakal diperolehi daripada negara.

Rajah 1: Aspek Pembinaan Konsep Patriotisme Belia



Rajah 1 di atas adalah hasil rumusan daripada perbincangan daripada penulisan berikut. Berdasarkan sumber Malaysia (2009) mendapati konsep patriotisme sesuai dengan konteks Malaysia melibatkan tujuh nilai murni penting iaitu kefahaman terhadap sistem pentadbiran negara, kebanggaan menjadi rakyat Malaysia, perasaan sayang kepada Malaysia, perasaan kekitaan atau memiliki terhadap negara, kesetiaan kepada negara, berdisiplin atau adab baik demi nama baik negara serta peningkatan produktiviti demi negara. Aspek-aspek penting dalam semangat patriotisme ini telah diterima dan digunapakai oleh penulis seperti Ahmad Fawzi Basri (2002), Ahmad Ahmad Rusdi (2002), Haminah Suhaibo (1999), Jaizah Mahamud et al., (2001), Kementerian Pendidikan Malaysia (1994; 2000) serta Sarifah Buyung (1998).

Bagi maksud operasional setiap konstruk patriotisme belia, kefahaman terhadap sistem pentadbiran negara adalah melibatkan ilmu tentang sejarah pentadbiran negara, kemasyarakatan, sistem demokrasi negara, sistem kerajaan dan sistem beraja. Maksud berbangga sebagai rakyat Malaysia adalah berakhlak dan berbudi pekerti mulia, menghormati raja dan pemimpin negara, menghormati lambang-lambang negara (seperti bendera, lagu kebangsaan dan jata negara), mempertahankan maruah bangsa dan negara serta menghargai dan mengamalkan tradisi dan budaya bangsa. Perasaan sayang kepada Malaysia pula merujuk kepada tanpa mengharap atau menagih sebarang ganjaran mahupun imbuhan kerana berpegang kepada prinsip 'itu adalah negara mereka'. Malah, jauh sekali belia bersifat value-based patriotism sebaliknya bersifat egocentric patriotism. Perasaan kekitaan pula melibatkan bersatu padu dan berharmoni, bertolak ansur dan bertoleransi, bekerjasama dan tolong-menolong, hormat-menghormati, bersefahaman dan bermuafakat serta muhibah. Kesetiaan kepada negara melibatkan cintakan atau sayangkan bangsa dan negara, taat dan setia kepada raja dan pemimpin negara, sedia berkorban untuk bangsa dan negara, bertanggungjawab kepada bangsa dan negara, berani dan sanggup mempertahankan kedaulatan bangsa dan negara serta peka kepada masalah dan isu tentang bangsa mahupun negara. Berdisiplin merangkumi maksud mempertahankan dan menjunjung Perlembagaan Negara, mematuhi peraturan dan undang-undang, berkelakuan sopan dan bertatasusila, bertanggungjawab, bertindak dengan wajar, bersifat amanah dan jujur serta berlaku adil dan bertimbang rasa. Terakhir adalah berusaha ke arah peningkatan produktiviti melibatkan aspek rajin dan gigih, berdikari, sentiasa mempertingkatkan usaha, tabah menghadapi cabaran serta menyokong dan melibatkan diri dalam usaha pembangunan negara.

Justeru, sekiranya konstruk-konstruk tersebut berkeadaan baik atau bertahap tinggi, maka ia menggambarkan tahap patriotisme adalah tinggi. Walau bagaimanapun, bagi melihat tahap patriotisme belia tinggi mungkin sukar disebabkan oleh sikap atau nilai dalam diri manusia berbeza mengikut usia, cara berfikir dan sebagainya. Harapan untuk mencapai tahap patriotisme yang tinggi dalam kalangan belia terlalu ideal mungkin disebabkan psikologi atau diri manusia terlalu unik, wujud perbezaan dalam persamaan dan sebagainya. Hal ini mungkin benar sebagaimana pendapat Saifuddin Abdullah (2005) yang menegaskan bahawa patriotisme akan berubah mengikut masa dan keadaan.

Walaupun patriotisme adakalanya disamakan dengan nasionalisme tetapi kedua-duanya mempunyai kelainan (Saifuddin Abdullah, 2002). Harus dibezakan secara jelas bahawa disebabkan ciri-ciri, sifat dan rupa bentuk nasionalisme itu sendiri adalah berbagai-bagai atas sebab yang juga berbeza, maka menyamakan konsep patriotisme dengan nasionalisme adalah satu langkah yang kurang tepat dari segi keilmuannya (Mohamed Mustafa Ishak, 2002; Mohamed Mustafa Ishak et al., 2000). Menurut Billig (1995) dan Doob (1964), perbezaan antara nasionalisme dengan patriotisme adalah nasionalisme bersangkutan ideologi tentang kelebihan bangsa sendiri dan berkait rapat dengan unsur ras, bahasa dan adat, manakala patriotisme ialah sentimen cintakan negara dan berkait rapat dengan emosi mempertahankan kedaulatan negara, institusi politik dan undang-undang daripada dicerobohi oleh kuasa asing. Abdul Latif Abu Bakar (1996) berpendapat kajian sejarah melihat semangat patriotisme di Malaysia bermula sejak Zaman Melaka dan lebih bersemarak pada abad ke-17. Secara umumnya, patriotisme pada masa tersebut bersifat motivasi, rasional, harapan dan pembaharuan semula, kelangsungan hidup, rela berkorban, organisasi kesukarelaan, kenegaraan serta cintakan

negara. Di Malaysia, sejarah kebangkitan bangsa adalah bermula daripada belenggu penjajahan untuk membentuk negara yang bebas merdeka dan memperlihatkan perjuangan sesuatu bangsa yang penuh dengan semangat patriotisme. Semangat patriotisme yang ditunjukkan oleh generasi terdahulu yang sanggup berkorban demi mempertahankan negara adalah contoh yang patut dihidupkan sepanjang zaman.

## KAEDAH KAJIAN

Anggaran belia warganegara Malaysia bagi tahun laporan kiraan penduduk 2014 mendapati seramai 8,097,500 orang di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Kaum Melayu seramai 4,608,600 orang, Cina seramai 1,720,900, India seramai 576,400 orang, bumiputera di Sabah dan Sarawak seramai 1,111,500 orang dan lain-lain kaum seramai 80,100 orang. Menurut Sekaran (2006), sekiranya jumlah penduduk seramai 2.5 juta dan ke atas dengan aras keyakinan 95 peratus serta ralat sampel sebanyak 3.5 peratus, maka saiz sampel sesuai adalah sebanyak 1,353 orang. Walau bagaimanapun, saiz sampel bagi kajian ini diambil lebih sedikit iaitu 1,500 sampel berbanding cadangan Sekaran (2006) agar dapat mengurangkan ralat, pertimbangan masa dan kemampuan kewangan. Jumlah sampel sebanyak 1,500 orang tersebut diagihkan secara peratusan mengikut zon dan negeri atau kawasan, kaum dan umur agar lebih menyeluruh.

Jadual 1: Kerangka Persampelan Kajian bagi Malaysia Barat

Zon	Umur	Jumlah Sampel	Melayu (66%)	Cina (25%)	India (8%)	Lain-Lain (1%)
Utara	15-18	83	55	21	6	1
	19-24	83	55	21	6	1
	25-30	84	55	21	7	1
<b>Jumlah</b>		<b>250</b>	<b>165</b>	<b>63</b>	<b>19</b>	<b>3</b>
Selatan	15-18	83	55	21	6	1
	19-24	83	55	21	6	1
	25-30	84	55	21	7	1
<b>Jumlah</b>		<b>250</b>	<b>165</b>	<b>63</b>	<b>19</b>	<b>3</b>
Timur	15-18	83	55	21	6	1
	19-24	83	55	21	6	1
	25-30	84	55	21	7	1
<b>Jumlah</b>		<b>250</b>	<b>165</b>	<b>63</b>	<b>19</b>	<b>3</b>
Tengah	15-18	83	55	21	6	1
	19-24	83	55	21	6	1
	25-30	84	55	21	7	1
<b>Jumlah</b>		<b>250</b>	<b>165</b>	<b>63</b>	<b>19</b>	<b>3</b>
		<b>1000</b>	<b>660</b>	<b>252</b>	<b>76</b>	<b>12</b>

**Jadual 2: Kerangka Persampelan Kajian bagi Malaysia Timur**

Zon	Umur	Jumlah Sampel	Melayu (36%)	Cina (14%)	India (5%)	Lain-Lain (1%)	Bumi-putera (45%)
Sabah	15-18	83	30	11	4	1	37
	19-24	83	30	11	4	1	37
	25-30	84	30	11	4	1	38
<b>Jumlah</b>		<b>250</b>	<b>90</b>	<b>33</b>	<b>12</b>	<b>3</b>	<b>112</b>
Sarawak	15-18	83	30	11	4	1	37
	19-24	83	30	11	4	1	37
	25-30	84	30	11	4	1	38
<b>Jumlah</b>		<b>250</b>	<b>90</b>	<b>33</b>	<b>12</b>	<b>3</b>	<b>112</b>
		<b>500</b>	<b>180</b>	<b>66</b>	<b>24</b>	<b>6</b>	<b>224</b>

Langkah pertama, Jadual 1 dan 2 adalah proses pembahagian sampel mengikut peratusan dalam kategori yang dianggap rawak atau sampel probabiliti. Kaedah yang dijalankan adalah pertama, membahagikan sampel 1,500 orang kepada enam zon iaitu utara, selatan, barat, timur, Sabah dan Sarawak. Kesemua enam zon kajian tersebut membabitkan sebanyak masing-masing 250 sampel. Langkah kedua, setiap zon (kecuali Sabah dan Sarawak) jumlah 250 sampel dibahagikan kepada negeri atau kawasan. Langkah ketiga, menetapkan jumlah peratusan sampel mengikut kaum bagi kesemua zon berdasarkan peratusan jumlah penduduk. Bagi Semenanjung Malaysia, kaum yang diambil perhatian adalah Melayu, Cina, India dan lain-lain kaum seperti orang Siam, Portugis, Indonesia (warganegara) dan sebagainya (kecuali Orang Asli tidak dimasukkan dalam kajian ini). Zon Timur yang terdiri daripada Zon Sabah dan Sarawak pula dimasukkan bumiputera tempatan Sabah dan Sarawak memandangkan pribumi tersebut agak dominan. Proses keempat adalah mengambil kira saiz sampel mengikut umur responden dalam tiga kategori antara 15 hingga 30 tahun juga berdasarkan peratusan sampel kaum.

Persoalan seterusnya adalah “siapakah yang terlibat dengan persampelan kaji selidik?” Hal ini penting selepas mengetahui saiz sampel yang menjadi asas persampelan kepada setiap zon, negeri, kaum dan umur responden. Perbincangan sebelum ini menegaskan bahawa sampel adalah belia berbilang kaum mengikut peringkat umur di seluruh Malaysia. Mereka dipilih menggunakan teknik convenience sample iaitu responden diambil dalam kalangan belia secara bebas asalkan memenuhi jumlah sampel dari segi negeri, umur dan kaum. Kaedah ini dipilih kerana taburan belia yang terbuka dalam suatu kawasan luas sehingga mustahil untuk diambil secara rawak mahupun sistematik. Malah, analisis data pula menggunakan teknik deskriptif, terutamanya unit statistik peratusan, min, kekerapan dan *crosstab*.

## DAPATAN KAJIAN

**Jadual 3: Mahu dikenali sebagai Bangsa Malaysia mengikut Zon**

Zon	Bangsa Malaysia		Jumlah
	Ya	Tidak	
Utara	241	9	250
Selatan	247	3	250
Timur	246	4	250
Tengah	238	12	250
Sabah	246	4	250
Sarawak	246	4	250
<b>Jumlah</b>	<b>1464</b>	<b>36</b>	<b>1500</b>

**Jadual 4: Mahu dikenali sebagai Bangsa Malaysia mengikut Negeri**

Negeri	Bangsa Malaysia		Jumlah
	Ya	Tidak	
Perlis	78	5	83
Kedah	81	2	83
Pulau Pinang	82	2	84
Johor	83	0	83
Melaka	80	3	83
N. Sembilan	84	0	84
Pahang	80	3	83
Terengganu	83	0	83
Kelantan	83	1	84
Perak	81	2	83
Selangor	79	4	83
Kuala Lumpur	78	6	84
Sabah	246	4	250
Sarawak	246	4	250
<b>Jumlah</b>	<b>1464</b>	<b>36</b>	<b>1500</b>

Berdasarkan hasil kajian di atas mengenai item ujian “adakah anda mahu dikenali sebagai Bangsa Malaysia” mendapati seramai 36 orang golongan belia tidak bersetuju untuk dikenali sebagai Bangsa Malaysia, manakala seramai 1464 orang mahu dikenali sebagai Bangsa Malaysia. Golongan belia di zon tengah merupakan paling ramai tidak mahu dikenali sebagai Bangsa Malaysia iaitu seramai 12 orang dan diikuti oleh zon utara iaitu seramai sembilan orang (Jadual 3). Sementara itu, jika diteliti aspek ini mengikut negeri pula mendapati golongan belia bagi Kuala Lumpur dan Perlis merupakan yang tertinggi tidak mahu dikenali sebagai Bangsa Malaysia iaitu masing-masing seramai enam dan lima orang responden (Jadual 4).

**Jadual 5: Mahu dikenali sebagai Bangsa Malaysia mengikut Keturunan**

Keturunan	Bangsa Malaysia		Jumlah
	Ya	Tidak	
Melayu	825	15	840
Cina	306	12	318
India	95	5	100
Bumiputra Sabah	111	1	112
Bumiputera Sarawak	110	2	112
Lain-Lain	17	1	18
<b>Jumlah</b>	<b>1464</b>	<b>36</b>	<b>1500</b>

Seterusnya, dalam membincangkan isu mahu atau tidak dikenali sebagai Bangsa Malaysia mengikut keturunan mendapati bagi golongan belia berketurunan Melayu yang tidak mahu dikenali sebagai Bangsa Malaysia adalah seramai 15 orang daripada jumlah keseluruhan responden iaitu seramai 840 orang. Bagi golongan belia berketurunan Cina pula adalah seramai 12 orang daripada 318 responden keseluruhan tidak mahu dikenali sebagai bangsa Malaysia. Bagi Negeri Sabah dan Sarawak masing-masing terdapat satu dan dua orang responden dalam kalangan keturunan Bumiputera negeri tersebut tidak mahu dikenali sebagai Bangsa Malaysia, manakala seorang daripada 18 responden lain-lain keturunan juga tidak mahu dikenali sebagai Bangsa Malaysia (Jadual 5).

**Jadual 6: Mahu dikenali sebagai Bangsa Malaysia mengikut Agama**

Agama	Bangsa Malaysia		Jumlah
	Ya	Tidak	
Islam	1000	17	1017
Budha	254	11	265
Hindu	112	6	118
Kristian	93	2	95
Lain-lain	5	0	5
<b>Jumlah</b>	<b>1464</b>	<b>36</b>	<b>1500</b>

**Jadual 7: Mahu dikenali sebagai Bangsa Malaysia mengikut Kategori Umur**

Umur	Bangsa Malaysia		Jumlah
	Ya	Tidak	
15-18	499	5	504
19-24	496	12	508
25-30	469	19	488
<b>Jumlah</b>	<b>1464</b>	<b>36</b>	<b>1500</b>

Jika diteliti dalam konteks agama terhadap isu ini mendapati terdapat seramai 17 orang yang beragama Islam tidak mahu dikenali sebagai Bangsa Malaysia, manakala seramai 11 orang golongan belia daripada agama Budha. Bagi golongan beragama Hindu pula seramai enam orang tidak mahu dikenali sebagai Bangsa Malaysia dan dua untuk yang beragama Kristian (Jadual 6). Selain itu, pembahagian berdasarkan kategori umur pula mendapati seramai lima orang responden daripada kategori umur 15-18 tahun tidak mahu dikenali sebagai Bangsa Malaysia. Bagi golongan belia pada kategori umur 19-24 tahun tidak mahu dikenali sebagai Bangsa Malaysia adalah seramai 12 orang, manakala bagi kategori umur 25-30 tahun pula seramai 19 orang. Jumlah keseluruhan responden yang tidak mahu dikenali sebagai Bangsa Malaysia adalah seramai 36 orang daripada jumlah keseluruhan responden seramai 1500 orang (Jadual 7).

**Jadual 8: Bangsa dikenali sebagai Rakyat Malaysia mengikut Zon**

Zon	Bangsa Malaysia		Jumlah
	Ya	Tidak	
Utara	243	7	250
Selatan	249	1	250
Timur	247	3	250
Tengah	243	7	250
Sabah	250	0	250
Sarawak	247	3	250
<b>Jumlah</b>	<b>1479</b>	<b>21</b>	<b>1500</b>

**Jadual 9: Bangga dikenali sebagai Rakyat Malaysia mengikut Negeri**

Negeri	Bangsa Malaysia		Jumlah
	Ya	Tidak	
Perlis	78	5	83
Kedah	82	1	83
Pulau Pinang	83	1	84
Johor	83	0	83
Melaka	83	0	83
N. Sembilan	83	1	84
Pahang	82	1	83
Terengganu	81	2	83
Kelantan	84	0	84
Perak	83	0	83
Selangor	79	4	83
Kuala Lumpur	81	3	84
Sabah	250	0	250
Sarawak	247	3	250
<b>Jumlah</b>	<b>1479</b>	<b>21</b>	<b>1500</b>

Selain itu, bagi item ujian “adakah anda bangga dikenali sebagai rakyat Malaysia” pula menunjukkan terdapat seramai tujuh orang responden bagi zon utara yang tidak berbangga menjadi rakyat Malaysia. Di zon selatan pula terdapat seorang responden, tiga orang di zon timur, seramai tujuh responden juga di zon tengah, manakala tiga responden bagi negeri Sarawak dan semua responden negari Sabah bangga menjadi rakyat Malaysia (Jadual 8). Sementara itu, jika diteliti mengikut negeri menunjukkan terdapat seramai lima orang responden dari negeri Perlis tidak bangga dikenali sebagai rakyat Malaysia, masing-masing seorang bagi negeri Kedah, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Pahang. Sementara itu, dua orang di Terengganu, empat responden di Selangor dan masing-masing tiga bagi Kuala Lumpur dan Sarawak. Bagi golongan belia di negeri Johor, Melaka, Perak Kelantan dan Sabah pula secara keseluruhannya berbangga dikenali sebagai rakyat Malaysia (Jadual 9).

**Jadual 10: Bangga dikenali sebagai Rakyat Malaysia mengikut Keturunan**

Keturunan	Bangga Rakyat Malaysia		Jumlah
	Ya	Tidak	
Melayu	827	13	840
Cina	318	0	318
India	94	6	100
Bumiputra Sabah	112	0	112
Bumiputera Sarawak	111	1	112
Lain-Lain	17	1	18
<b>Jumlah</b>	<b>1479</b>	<b>21</b>	<b>1500</b>



**Jadual 11: Bangga dikenali sebagai Rakyat Malaysia mengikut Agama**

Agama	Bangga Rakyat Malaysia		Jumlah
	Ya	Tidak	
Islam	1003	14	1017
Budha	265	0	265
Hindu	113	5	118
Kristian	94	1	95
Lain-lain	4	1	5
<b>Jumlah</b>	<b>1479</b>	<b>21</b>	<b>1500</b>

**Jadual 12: Bangga dikenali sebagai Rakyat Malaysia mengikut Kategori Umur**

Umur	Bangga Rakyat Malaysia		Jumlah
	Ya	Tidak	
15-18	498	6	504
19-24	500	8	508
25-30	481	7	488
<b>Jumlah</b>	<b>1479</b>	<b>21</b>	<b>1500</b>

Berdasarkan keturunan responden yang tidak bangga dikenali sebagai rakyat Malaysia menunjukkan seramai 13 orang daripada keturunan Melayu, enam orang berketurunan India, masing-masing seorang bagi bumiputera Sabah dan Sarawak serta seorang responden bagi lain-lain keturunan (Jadual 10). Bagi jenis agama pula mencatatkan bahawa golongan belia beragama Islam yang tidak berbangga dikenali sebagai rakyat Malaysia adalah seramai 14 orang, lima orang beragama Hindu, masing-masing seorang beragama Kristian dan lain-lain agama (Jadual 11). Seterusnya, bagi pecahan umur responden pula mendapati terdapat enam orang responden bagi kategori umur antara 15-18 tahun yang tidak berbangga dikenali sebagai rakyat Malaysia, seramai lapan orang responden untuk kategori 19-24 tahun dan tujuh untuk orang responden bagi kategori umur 25-30 tahun yang tidak berbangga dikenali sebagai rakyat Malaysia (Jadual 12).

**Jadual 13: Bangga Memiliki Kad Pengenalan Warganegara mengikut Zon**

Zon	Bangga Kad Warganegara		Jumlah
	Ya	Tidak	
Utara	243	7	250
Selatan	248	2	250
Timur	247	3	250
Tengah	244	6	250
Sabah	250	0	250
Sarawak	247	3	250
<b>Jumlah</b>	<b>1479</b>	<b>21</b>	<b>1500</b>

**Jadual 14: Bangga Memiliki Kad Pengenalan Warganegara mengikut Negeri**

Zon	Bangga Kad Warganegara		Jumlah
	Ya	Tidak	
Perlis	78	5	83
Kedah	82	1	83
Pulau Pinang	83	1	84
Johor	83	0	83
Melaka	83	0	83
N. Sembilan	82	2	84
Pahang	82	1	83
Terengganu	82	1	83
Kelantan	83	1	84
Perak	83	0	83
Selangor	78	5	83
Kuala Lumpur	83	1	84
Sabah	250	0	250
Sarawak	247	3	250
<b>Jumlah</b>	<b>1479</b>	<b>21</b>	<b>1500</b>

Item ujian yang terakhir ialah “adakah anda bangga memiliki kad pengenalan sebagai warganegara Malaysia” menunjukkan terdapat seramai tujuh responden daripada zon utara yang tidak bangga memiliki kad pengenalan sebagai warganegara Malaysia, dua responden bagi zon selatan, tiga orang di zon timur, enam responden bagi zon tengah dan tiga orang di Sarawak, manakala semua golongan belia di Sabah bangga memiliki kad pengenalan sebagai warganegara Malaysia (Jadual 13). Seterusnya, penelitian berdasarkan negeri pula mendapati seramai lima orang responden yang tidak bangga memiliki kad pengenalan sebagai warganegara Malaysia bagi negeri Perlis, masing-masing seorang bagi negeri Kedah, Pulau Pinang, Pahang, Terengganu, Kelantan dan Kuala Lumpur. Bagi negeri Selangor terdapat lima orang responden yang tidak bangga memiliki kad pengenalan sebagai warganegara Malaysia, dua responden di Negeri Sembilan dan tiga orang di Sarawak (Jadual 14).

**Jadual 15: Bangga Memiliki Kad Pengenalan Warganegara mengikut Keturunan**

Keturunan	Bangga Kad Warganegara		Jumlah
	Ya	Tidak	
Melayu	826	14	840
Cina	317	1	318
India	96	4	100
Bumiputra Sabah	112	0	112
Bumiputera Sarawak	111	1	112
Lain-Lain	17	1	18
<b>Jumlah</b>	<b>1479</b>	<b>21</b>	<b>1500</b>

**Jadual 16: Bangga Memiliki Kad Pengenalan Warganegara mengikut Agama**

Agama	Bangga Kad Warganegara		Jumlah
	Ya	Tidak	
Islam	1003	14	1017
Budha	264	1	265
Hindu	114	4	118
Kristian	94	1	95
Lain-lain	4	1	5
<b>Jumlah</b>	<b>1479</b>	<b>21</b>	<b>1500</b>

**Jadual 17: Bangga Memiliki Kad Pengenalan Warganegara mengikut Kategori Umur**

Umur	Bangga Kad Warganegara		Jumlah
	Ya	Tidak	
15-18	500	4	504
19-24	500	8	508
25-30	479	9	488
<b>Jumlah</b>	<b>1479</b>	<b>21</b>	<b>1500</b>

Selain itu, hasil kajian berdasarkan keturunan bagi yang tidak berbangga memiliki kad pengenalan sebagai warganegara Malaysia adalah seramai 14 orang bagi Melayu, seorang bagi keturunan Cina, empat orang untuk berketurunan India dan masing-masing seorang untuk bumiputera Sarawak dan lain-lain (Jadual 15). Dari segi agama pula mendapati seramai 14 orang responden daripada agama Islam yang tidak berbangga memiliki kad pengenalan sebagai warganegara Malaysia, masing-masing seorang bagi agama Budha, Kristian dan lain-lain agama, manakala empat orang bagi penganut agama Hindu yang tidak berbangga memiliki kad pengenalan sebagai warganegara Malaysia (Jadual 16). Seterusnya, berdasarkan pecahan umur pula mendapati seramai empat orang responden bagi kategori 15-18 tahun yang tidak berbangga memiliki kad pengenalan sebagai warganegara Malaysia. Begitu juga bagi kategori umur 19-24 tahun yang tidak berbangga memiliki kad pengenalan sebagai warganegara Malaysia adalah seramai lapan orang dan bagi kategori umur 25-30 tahun pula seramai sembilan orang (Jadual 17).

**Jadual 18: Perbandingan Hasil Kajian mengikut Zon dan Konstruk Patriotisme**

Bil.	Zon	Rendah (%)	Sederhana (%)	Tinggi (%)	Min
	Malaysia	4	23	73	7.26
	Zon Utara	7	23	70	7.15
	Zon Selatan	2	22	76	7.27
	Zon Timur	4	16	80	7.54
	Zon Tengah	4	30	66	6.80
	Zon Sabah	1	29	70	7.23
	Zon Sarawak	5	17	78	7.50
<b>1.</b>	<b>Kefahaman</b>				
	Malaysia	5	25	70	7.09
	Zon Utara	9	31	60	6.77
	Zon Selatan	1	20	79	7.45
	Zon Timur	7	28	65	6.92
	Zon Tengah	5	29	66	6.87
	Zon Sabah	1	26	73	7.41
	Zon Sarawak	6	26	68	7.1

<b>2. Kebanggaan</b>				
Malaysia	3	23	74	7.32
Zon Utara	7	21	72	7.20
Zon Selatan	2	23	75	7.31
Zon Timur	4	14	82	7.67
Zon Tengah	4	32	64	6.86
Zon Sabah	1	29	70	7.20
Zon Sarawak	4	15	81	7.7
<b>3. Sayang</b>				
Malaysia	4	23	73	7.20
Zon Utara	8	23	69	7.03
Zon Selatan	4	24	72	7.11
Zon Timur	4	14	82	7.62
Zon Tengah	4	33	63	6.78
Zon Sabah	2	29	69	7.2
Zon Sarawak	5	15	80	7.5
<b>4. Kekitaan</b>				
Malaysia	4	27	69	7.11
Zon Utara	7	27	66	6.92
Zon Selatan	3	29	68	7.05
Zon Timur	4	16	80	7.53
Zon Tengah	6	36	58	6.66
Zon Sabah	1	32	67	7.1
Zon Sarawak	4	19	77	7.4
<b>5. Kesetiaan</b>				
Malaysia	4	22	74	7.28
Zon Utara	5	25	70	7.23
Zon Selatan	3	22	75	7.24
Zon Timur	4	14	82	7.59
Zon Tengah	4	30	66	6.90
Zon Sabah	1	29	70	7.2
Zon Sarawak	5	15	80	7.5
<b>6. Berdisiplin</b>				
Malaysia	2	20	78	7.48
Zon Utara	7	19	77	7.48
Zon Selatan	1	19	80	7.45
Zon Timur	3	11	86	7.81
Zon Tengah	3	23	74	7.13
Zon Sabah	0.5	28	71.5	7.32
Zon Sarawak	5	13	82	7.7
<b>7. Produktiviti</b>				
Malaysia	3	21	76	7.36
Zon Utara	5	19	76	7.42
Zon Selatan	3	20	77	7.30
Zon Timur	3	15	82	7.70
Zon Tengah	4	29	67	6.94
Zon Sabah	1	29	70	7.2
Zon Sarawak	4	15	81	7.6

Seterusnya bagi penelitian terhadap konstruk-konstruk yang mewakili semangat patriotisme mendapati hanya satu aspek sahaja yang agak tinggi nilai patriotisme dalam kalangan belia bagi kesemua negeri atau Malaysia amnya iaitu disiplin berbanding dengan aspek kefahaman, kebanggaan, sayang, kekitaan, kesetiaan, berdisiplin dan produktiviti. Perbandingan hasil kajian mengikut aspek-aspek dalam patriotisme bagi golongan belia untuk setiap zon menjelaskan bahawa aspek kefahaman hanya zon Sabah, Sarawak dan Selatan telah mencatatkan nilai min di tahap tinggi (7-9) dengan bacaan nilai min masing-masing bagi zon tersebut adalah 7.45, 7.41 dan 7.1. Bagaimanapun, bacaan nilai min terendah untuk aspek kefahaman adalah zon Utara iaitu 6.77 dan secara keseluruhan bagi aspek kefahaman golongan belia Malaysia menunjukkan bacaan nilai min adalah 7.09.

Bagi aspek kebanggaan pula hanya zon tengah sahaja yang mencatatkan bacaan nilai min pada skala sederhana (4-6), manakala bagi semua zon yang lain dan secara umumnya Malaysia menunjukkan bacaan nilai min pada skala tinggi. Zon timur dan Sarawak mencatatkan bacaan nilai min tertinggi iaitu 7.67 dan 7.7, situasi ini menggambarkan bahawa kedua-dua zon ini memiliki golongan belia yang sangat bangga menjadi rakyat Malaysia berbanding zon-zon yang lain.

Seterusnya bagi aspek sayang kepada negara pula menjelaskan bahawa kesemua golongan belia di negara ini sayang kepada negara di tahap tinggi (7-9) kecuali zon tengah yang mencatatkan nilai min pada skala sederhana iaitu 6.78. Justeru, dalam konteks sayang kepada negara, pihak kerajaan perlu memberikan tumpuan memupuk kembali kesedaran untuk sayang kepada negara bagi golongan belia di Zon tengah yang diwakili oleh negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Perak. Namun secara keseluruhannya golongan belia di Malaysia sayang kepada negara yang dijelaskan melalui bacaan nilai min secara keseluruhan iaitu 7.20.

Berdasarkan hasil perbandingan semangat patriotisme golongan belia bagi aspek kekitaan pula mendapati kesemua zon mencatatkan bacaan nilai min pada skala tinggi kecuali zon utara dan tengah sahaja yang menunjukkan bacaan pada skala sederhana iaitu 6.92 dan 6.66. Perasaan kekitaan atau kepunyaan adalah sangat penting untuk memupuk perpaduan antara kaum bagi negara Malaysia dan hal ini perlu dilakukan langkah yang proaktif dalam menangani hal ini di zon utara dan tengah. Sementara itu, bagi zon-zon lain perasaan kekitaan adalah baik dan memuaskan termasuk untuk Malaysia secara keseluruhannya dan bacaan nilai min tertinggi bagi aspek ini adalah di zon timur iaitu 7.53.

Aspek kesetiaan kepada negara bagi golongan belia juga mendapati hanya zon tengah yang mencatatkan nilai min pada skala sederhana iaitu 6.90 berbanding dengan zon-zon yang lain. Sekali lagi zon timur mencatatkan nilai min tertinggi iaitu 7.59 berbanding dengan zon-zon lain. Aspek kesetiaan kepada negara merupakan satu perkara penting kerana mampu melahirkan semangat patriotisme yang lain termasuk berdisiplin, sayang dan sebagainya. Dalam konteks Malaysia secara keseluruhannya mendapati aspek kesetiaan mencatatkan nilai min pada skala tinggi 7.28 dan menjelaskan kesetiaan rakyat Malaysia kepada negara adalah memuaskan.

Penilaian terhadap semangat patriotisme dalam kalangan belia Malaysia juga merangkumi aspek disiplin. Hasil kajian mendapati kesemua zon mencatatkan bacaan nilai min pada skala tinggi dan zon timur telah menunjukkan bacaan nilai min tertinggi bagi aspek ini iaitu 7.81 manakala secara keseluruhan dalam konteks Malaysia pula bacaan nilai min adalah sebanyak 7.48. Situasi ini menjelaskan bahawa aspek disiplin rakyat Malaysia dalam konteks semangat patriotisme adalah sangat memuaskan.

Aspek terakhir yang dinilai adalah produktiviti golongan belia kepada negara dan hasil kajian menunjukkan hanya zon tengah yang mencatatkan bacaan nilai min di skala sederhana iaitu 6.94 manakala kesemua zon lain menunjukkan bacaan nilai min di skala tinggi. Zon timur sekali lagi mencatatkan nilai min tertinggi berbanding dengan zon-zon lain iaitu 7.70 dan secara keseluruhannya bagi Malaysia nilai min bagi aspek ini adalah pada skala tinggi iaitu 7.36 (Jadual 18).

## PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

Secara keseluruhannya, tahap patriotisme belia bagi Malaysia dalam kategori tinggi adalah sebanyak 73% dengan nilai min sebanyak 7.26. Perincian mengikut zon pula mendapati Zon Tengah paling bermasalah dengan patriotisme kerana statistik peratusan menunjukkan kategori tinggi hanya dicapai sebanyak 66% dengan nilai min sebanyak 6.80. Sebaliknya, tahap penglibatan tinggi dicapai oleh lain-lain zon dengan nilai peratusan melebihi 70%. Namun begitu, Zon Timur kelihatan mendahului tahap patriotisme belia dengan nilai 80% berada dalam kategori tinggi dan minnya juga kelihatan lebih tinggi berbanding dengan lain-lain zon. Justeru, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat dua pola dapatan iaitu paling baik tahap patriotisme memperlihatkan Zon Timur dan paling kurang baik tahap patriotisme terlihat dalam Zon Tengah.

Oleh yang demikian, jelas menunjukkan bahawa pernyataan masalah yang dibangkitkan tentang tahap patriotisme belia yang rendah adalah kurang tepat. Kajian ini menolak isu semasa yang berlaku adalah disebabkan oleh tahap patriotisme belia yang rendah kerana hasil kajian menunjukkan belia Malaysia masih tinggi tahap patriotisme mereka. Kecuali, tahap patriotisme belia dalam kawasan Zon Tengah yang kelihatan sederhana berbanding dengan lain-lain zon. Sekiranya ingin dikaitkan dengan isu semasa yang menentang kerajaan, mencemarkan maruah bangsa serta negara, barangkali terkait dengan belia dalam Zon Tengah. Walau bagaimanapun, ia hanya sekadar andaian yang mungkin kurang tepat untuk dibuat generalisasi. Namun begitu, statistik hasil kajian mungkin boleh menggambarkannya secara menyeluruh dan bukannya secara tepat untuk mengukur manusia yang agak rumit atau dinamik. Justeru, apa yang penting adalah tahap patriotisme belia di Malaysia masih berada dalam kategori tinggi secara puratanya dan terletak dalam skala 7 hingga 9.

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati terdapat beberapa perkara lompong dalam nilai-nilai patriotisme belia di Malaysia sekiranya melihat dalam konteks zon-zon kajian. Walaupun begitu, lompong atau kelemahan tersebut tidak ketara sehingga meletakkan Malaysia dalam keadaan dilema mahupun bermasalah. Tahap patriotisme belia dalam setiap zon menggambarkan masih tinggi dan sederhana bagi zon tengah. Walau bagaimanapun, sebagai inisiatif berjaga-jaga usaha perlu dibuat untuk meningkatkan nilai patriotisme ke suatu tahap yang lebih membanggakan. Hal ini penting memandangkan ledakan maklumat secara terbuka boleh mengancam jati diri belia pada masa akan datang, sekaligus dibimbangi akan memburukkan keadaan. Isu semasa berkaitan dengan penghinaan, penderhakaan, mencemarkan imej negara dan sebagainya mungkin boleh dikaitkan dengan masalah patriotisme. Walau bagaimanapun, kajian mendapati tahap patriotisme agak tinggi di Malaysia seolah-olah bertentangan dengan senario semasa. Kajian ini menghujahkan bahawa isu semasa yang berlaku mungkin bersifat sementara atau diwujudkan oleh segelintir anggota masyarakat atau kumpulan tertentu pada sesuatu masa tertentu.

Kajian ini mengesyorkan agar beberapa perkara boleh diambil perhatian agar tahap patriotisme belia mencapai kedudukan lebih baik dan seterusnya mereka menjadi insan berguna kepada agama, bangsa dan negara. Berdasarkan hasil kajian didapati golongan belia masih memerlukan beberapa perkara penting untuk mencapai tahap patriotisme lebih tinggi. Antaranya adalah:

- i. terkait dalam hal ini pastinya memerlukan semakan semula kerangka sistem pendidikan formal serta tidak formal agar benar-benar dapat membentuk insan berpatriotisme tinggi, tidak hanya nilai akademik semata-mata. Program atau sistem pendidikan tersebut seharusnya mampu melahirkan nilai kefahaman, rasa bangga, sayang, kekitaan, kesetiaan, disiplin dan berusaha untuk maju dalam kehidupan melibatkan soal sosio-ekonomi mahupun kerjaya demi negara tercinta.
- ii. wujudkan sistem merit kepada belia di mana mereka yang aktif membantu negara atau menyemarakkan nilai patriotisme diberikan ganjaran, sebaliknya belia yang enggan membantu negara atau melakukan kesalahan diberikan motivasi, nasihat, dan sebagainya. Sistem merit

ini diharap boleh membangkitkan semangat belia kerana mendapat perhatian daripada negara mereka, sekaligus diharap dapat membentuk rasa tanggungjawab pada suatu masa kelak.

- iii. sekiranya perlu, wajibkan belia terlibat dalam kerahan tenaga agar mereka merasai diperlukan oleh negara (mengikut kesesuaian peringkat umur) seperti pembersihan awam, sukarelawan (hakikatnya paksaan) dalam membantu masyarakat, bencana mahupun membantu sebarang agenda kerajaan termasuk keselamatan atau ketenteraman awam.

## RUJUKAN

- Abdul Latiff Abu Bakar. 1996. *Melaka dan arus gerakan kebangsaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Afffuddin Omar. 2002. Dasar bahasa dan budaya Malaysia tidak konsisten. *Berita Harian*, 22 Ogos.
- Ahmad Ahmad Rusdi. 2002. Permasalahan pelaksanaan unsur patriotisme dalam mata pelajaran kajian tempatan: Punca daripada guru sendiri. Alor Setar: Institut Penguruan Darulaman.
- Ahmad Fawzi Mohd. Basri. 2002. Patriotisme dan ketahanan nasional: suatu pandangan tentang kesignifikannya sebagai agenda negara. Kertas Kerja dibentangkan di Kongres Patriotisme Negara, di Institut Latihan keselamatan Sosial KWSP, anjuran Biro Tatanegara dan Universiti Utara Malaysia, Bangi pada 22-28 Oktober 2002.
- Asnarulkhadi Abu Samah. 2009. Kelompangan Dasar Belia Negara: Menyangga potensi belia menerusi pendekatan transformasi konflik. *Malaysian Journal of Youth Studies* 1, 1-22.
- Azimi Hamzah & Turiman Suandi. 1996. Isu dan cabaran dalam pembangunan belia: Beberapa pemerhatian penting. Kertas kerja ini dibentangkan di Persidangan Majlis Perundangan Belia Negeri Sembilan, Seremban.
- Azimi Hamzah & Turiman Suandi. 1997. Budaya cemerlang dalam pertubuhan belia. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Pembangunan NGO Kuala Lumpur, anjuran Jabatan Belia dan Wilayah Persekutuan.
- Azimi Hamzah, Turiman Suandi, Ezhar Tamam. 2002. *Persatuan belia di Malaysia: perkembangan dan penyerlahan potensi*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Billig, M. 1995. *Banal Nationalism*. London: Sage Publishers.
- Curti, M. 1946. *The roots of American loyalty*. New York: Columbia University Press.
- Doob, L.W. 1964. *Patriotism and nationalism: their psychological foundations*. New Haven: Yale University Press.
- Dzuhailmi Dahalan, Nobaya Ahmad, Md. Salleh Hassan, Mariah Muda, Jamilah Othman & Nor Azliza Wanis Abdullah. 2011. The challenges of 1Malaysia and the reality of youth's involvement with the unity campaign on television. *Australian Journal of Basic and Applied Sciences* 5(11), 2132-2138.
- Gomberg, P. 2002. Patriotism is like racism. Dlm. Primoratz, I. (Pnyt.). *Patriotism*, hlm. 105-112. London: Humanity Books.
- Griffin, D. 2005. *Patriotism and poetry in eighteenth-century Britain*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Haminah Suhaibo. 1999. Kefahaman dan amalan unsur patriotisme melalui mata pelajaran sejarah pelajaran sejarah di sekolah menengah atas Kuching. Unit Sejarah, Maktab Perguruan Batu Lintang.
- Haslinda Abdullah, Dzuhailmi Dahalan, Azimi Hamzah, Ismi Arif Ismail, Ezhar Tamam, Abdul-Lateef Abdullah, Sarjit S. Gill, Nobaya Ahmad & Turiman Suandi. 2012. *Majlis Belia Malaysia: quo vadis transformasi era semasa*. *Malaysia Journal of Society and Space* 8(7), 13 – 19.



- Jaizah Mahamud, Muhammad Khairuddin Lim Abdullah & Ibrahim Md. Nor. 2001. Tinjauan terhadap penerapan unsur patriotisme melalui mata pelajaran kajian tempatan di kalangan guru pelatih semasa menjalani praktikum. Alor Setar: Institut Penguruan Darulaman.
- Jalaluddin Abdul Malek. 2009. Pasca bandar pintar dan pembangunan belia. *Malaysian Journal of Youth Studies* 1, 43-68.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 1994. Buku Panduan Program Pengukuhan Pemupukan Patriotisme Sekolah Rendah. Kuala Lumpur: KPM.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2000. Buku Panduan Program Pengukuhan Pemupukan Patriotisme Sekolah Rendah. Kuala Lumpur: KPM.
- Kenner, C.L. 2004. Buffalo soldiers and officers of the ninth cavalry, 1867-1898: Black and white together black valor. Lanham, Maryland: Scarecrow Press.
- Ku Hasnita Ku Samsu. 2007. Pemupukan semangat patriotisme melalui proses sosialisasi politik. *Jati*, 12, 131-145.
- MacIntyre, A. 1995. Is patriotism a virtue??. Dlm. Beiner, R. (Pnyt.). *Theorizing citizenship*, hlm. 209-228. New York: State University of New York Press.
- Malaysia. 2009. 1Malaysia: Rakyat didahulukan pencapaian diutamakan. Putrajaya: Jabatan Penerangan Malaysia.
- Mohamed Mustafa Ishak, Fawzi Basri & Idris Salleh. 2000. Nasionalisme dan pembentukan Bangsa Malaysia. Sintok: Penerbit UUM.
- Mohamed Mustafa Ishak. 2002. Patriotisme dan Bangsa Malaysia. Kertas kerja dibentangkan di Kongres Patriotisme Negara, Institut Latihan Keselamatan Sosial KWSP, anjuran Biro Tatanegara dan Universiti Utara Malaysia, Bangi pada 22-28 Oktober 2002.
- Nordin Kardi. 2003. Konsep patriotisme. <http://www.btn.gov.my/kp>
- Primoratz, I. 2002. Patriotism: A deflationary view. *The Philosophical Forum*. Vol. XXXIII, 443-457.
- Saifuddin Abdullah. 2002. Patriotisme alaf baru. Kertas Kerja dibentangkan di Kongres Patriotisme Negara, di Institut Latihan Keselamatan Sosial KWSP, anjuran Biro Tatanegara dan Universiti Utara Malaysia, Bangi pada 22-28 Oktober 2002.
- Saifuddin Abdullah. 2005. Patriotisme alaf baru: dari semangat kepada khidmat. Melaka: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia, IKSEP
- Sarifah Buyong. 1998. Analisis penerapan nilai-nilai kewarganegaraan dalam buku teks Bahasa Melayu KBSM Tingkatan Satu. Disertasi Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Sekaran, U. 2006. *Research methods for business: A skill building approach*. Ed. 6. New York: John Wiley & Sons.
- Utusan Online. 2010. Rencana: Belia dan patriotisme, 27 Disember. [http://ww1.utusan.com. my/utusan/](http://ww1.utusan.com.my/utusan/) [Diakses pada 20 Jun 2015].